

## **Kita Sudah Merdeka: Di Manakah Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kehidupan Kita?**

Durasi: 1:33:02

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (2:44 – 3:46)**

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. (doa pembuka bicara) Alhamdulillah, hari ini kita bertemu sekali lagi dalam Perbincangan Rakyat Demi Melayu. “Kita Sudah Merdeka: Di Manakah Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kehidupan Kita?” Untuk membicarakan topik ini, pada malam ini, kita bersama dengan Tuan Guru Haji Abd Raof bin Haji Nurin Hafidzahullah, yang merupakan ahli jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. Kita juga ada Dr. Ayman al-Akiti, yang merupakan pensyarah Jabatan Usul Al-Din & Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dan kita ada Ustaz Dr. Abdullaah Jalil, yang merupakan Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi & Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Jadi, dengan itu, Perbincangan Rakyat Demi Melayu ingin mengucapkan selamat datang dan assalamualaikum kepada panel sekalian.

**Para panel = (3:47 – 3:51)**

Walaikumussalam wbt.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (3:52 – 4:33)**

Baik. Jadi, apabila kita bercakap tentang tajuk kita pada malam ini, iaitu “Kita Sudah Merdeka: Di Manakah Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kehidupan Kita?” Kerana kita tahu bahawa di tanah air ini, di Tanah Melayu ini, agama Islam dijadikan sebagai satu panduan yang asas, yang paling penting untuk kita jalankan. Untuk soalan ini, sebagai permulaan, kita hendak ajukan kepada Tuan Guru Haji Abd Raof tentang mungkin boleh huraikan, apakah yang dimaksudkan dengan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah dalam Islam itu sendiri dan sejauh mana kepentingannya terhadap umat Islam untuk kita semua berpaut pada manhaj ini? Dengan segala hormatnya, silakan, ustaz.

**Tuan Guru Haji Abd Raof bin Haji Nurin Hafidzahullah (ahli panel) = (4:35 – 23:22)**

Terima kasih, pengerusi. (doa pembuka bicara) Secara ringkasnya, definisi ataupun pengenalan tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perkara ini telah disebut oleh para ulama semenjak zaman dahulu lagi dalam kalangan mereka. Ada satu ungkapan yang sangat ringkas, padu, padat dan mudah difahami oleh semua peringkat masyarakat, iaitu (ungkapan dalam bahasa Arab). Jadi, apabila diitlakkan atau disebut sahaja istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah itu, maka maksudnya, makna *muradnya* ialah *Asya‘irah* dan *al-Maturidiyah*. *Asya‘irah* ialah satu

aliran, fahaman, akidah yang telah disusun oleh imam besar, Imam Abu Hasan al-‘Asy‘ari dan para pengikut beliau. Sementara *al-Maturidiyah* ialah akidah-akidah yang telah dikaji, dibersihkan dan disusun dalam kalangan dan kajian mereka yang penghulunya ialah Imam Abu Mansor al-Maturidi dan segala pengikut mereka. Jadi, apabila disebut sahaja Ahli Sunnah Wal Jamaah, sama ada daripada aliran Asya‘irah mahupun aliran *al-Maturidiyah* yang dipelopori oleh kedua-dua tokoh besar itu sekitar kurun kedua dan ketiga Hijrah. Mereka wafat pada kurun ketiga Hijrah, iaitu sekitar 300 tahun selepas kewafatan Nabi SAW. Jadi, itu satu istilah yang sangat ringkas, sangat padat, padu dan memang dipakai sudah beratus-ratus tahun. Saya tidak perlulah menyebut bila tarikh bermula. Tetapi dalam kitab, contohnya yang disusun oleh Imam al-Zabidi, kurun keenam Hijrah atau terawal dari itu lagi. Dalam kitab-kitab karangan Imam Subki juga telah dibincangkan istilah itu. Kita dapat memahami dan menanggapi bahawa kedua-dua tokoh ini dan segala aliran mereka itu tidak membuka satu akidah baharu kerana mereka sebenarnya meneruskan sahaja dan memperkukuh akidah-akidah ahli yang telah diwarisi daripada Baginda SAW dan para sahabat. Ini kita dapat maklum istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah itu sendiri, kewujudan asalnya memang daripada hadis Nabi SAW yang sangat masyhur, yang memang dicatat dalam kitab-kitab tauhid dari kurun kedua, kurun ketiga pun sudah ada. Antaranya, daripada kitab *Firaq Minal Firaq*, kurun keempat Hijrah. Ada hadis yang sangat masyhurlah dalam kalangan ahli kalam atau ulama-ulama yang membincangkan tauhid, iaitu hadis diriwayatkan oleh ramai *muhadithin*. Antaranya, hadis (petikan hadis dalam bahasa Arab). Ini satu istilah yang memang telah wujud diambil ataupun diwarisi daripada Baginda SAW. Cumanya perlu kepada huraian, syarah apakah yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah itu. Sementara ulama-ulama Islam telah mencatatkan dalam sebahagian kitab mereka, berdasarkan juga riwayat hadis yang lain, iaitu (petikan hadis dalam bahasa Arab). Jadi, Ahli Sunnah Wal Jamaah itu ialah mereka yang akidah-akidahnya, pegangan-pegangan tauhidnya telah diambil daripada daku (petikan hadis dalam bahasa Arab). Maknanya, daripada aku sendirilah, daripada Baginda SAW dan daripada para sahabat. Jadi, ringkasnya lagi, sehingga para ulama begitu tegas dalam sebahagian karangan mereka menyebut bukti-bukti yang mengatakan aliran Asya‘irah ini mewarisi aliran akidah daripada *salafussoleh*, daripada Nabi SAW khasnya, sehingga dalam sebahagian catatan kitab-kitab mereka itu disebutkan, iaitu (petikan dalam bahasa Arab). Jadi, tidak didapati seorang pun daripada tokoh-tokoh *al-muhaddis*, daripada kalangan ahli ilmu sama ada daripada kalangan para ahli tafsir ataupun para ahli hadis, tokoh fuqaha, tokoh-tokoh fiqah, mahupun tokoh-tokoh daripada kalangan usul fiqah, ahli *lughah* dan ahli *tawarikh* dan mereka yang kita katakan sebagai tokoh-tokoh yang *muslih*, yang cuba

untuk mentarbiah, memimpin, membimbing orang ramai ini kepada kebenaran. Tidak didapati daripada kalangan mereka itu melainkan mereka ialah tokoh daripada kalangan *Asya'irah* mahupun *al-Maturidiyah*. Jadi, itu salah satu buktilah. Kemudian, kalau kita lihat, untuk mengecam atau kita cuba untuk kenal Ahli Sunnah Wal Jamaah ini daripada aliran mana, daripada kalangan Muslimin yang bagaimana. Jadi, kita tengok juga sejarah orang Islam, sejarah Mukmin, peradaban Islam. Kita tengok daripada peradaban Uthmaniah contohnya, terdirinya kerajaan Uthmaniah yang beratus-ratus tahun itu, termasuk juga kerajaan-kerajaan Melayu ialah mereka daripada aliran dari segi akidah ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi, panduan untuk mengenal akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini, kita boleh melihat tokoh-tokoh ini, khasnya kepada kita, orang Melayu, bangsa Melayu, kita sepatutnya memberi tumpuan kepada tokoh-tokoh dalam kalangan bangsa kita juga. Jangan kita pinggirkan. Jangan kita tinggalkan. Berapa ramai daripada tokoh ulama Melayu kita, mereka yang membawa, mengasuh, mendidik, meninggalkan karangan-karangan yang sangat bernilai dalam bidang keilmuan, khasnya dalam bidang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tokoh-tokoh besar yang kita sangat maklum, antaranya, nama-nama yang selalu dipopularkan, disebut-sebut orang seperti Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Ahmad Fatani, tokoh-tokoh ulama Fatani, mahupun dari tanah seberang, dari Aceh, mahupun dari Matrapura, dari Tanah Banjar. Mereka ini yang merupakan tokoh-tokoh besar, daripada kalangan mereka, daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang membawa akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mendidik masyarakat supaya berpegang pada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi, panduan untuk mengenal, saya kemukakan panduan di sini sekadar ringkas untuk orang ramai mengenali Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebenarnya, macam mana kita hendak kenal dia? Antaranya ialah kita kena mengenali seperti yang saya sebut tadi, iaitu tokoh-tokoh ulama Melayu itu sendiri. Kalau kita tidak meninggalkan karangan-karangan mereka, pandangan-pandangan mereka, ajaran-ajaran mereka, jadi, insya-Allah, kita akan selamat dan kita akan berada dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Satu lagi yang penting, saya rasa sangat penting, iaitu hendaklah berpegang dengan mazhab-mazhab fiqah yang muktabar, khasnya kalau di Alam Melayu kita ini, tidak ada lain melainkan mazhab Syafi'i. Jadi, untuk orang awam, walaupun kalangan para ahli ilmunya, kalau tahap ahli ilmu itu tahap *al-'ami*. Ada tahap awam, *al-'ami*, ada yang *al-khawas*. *Al-khawas* itu mujtahidlah. Tetapi kalau sekadar mengetahui ilmu, saya tidak kata orang lain, sayalah contohnya, sekadar kita boleh begitu sahaja. Jadi, sudah terang dalam kitab-kitab fuqaha, dia kata *al-'am*, contohnya dalam *Fatmu'i*. Ada satu ibarat yang menerangkan, disuruh supaya para ustaz, asatizah, alim sampai ke tahap mujtahid ini hendaklah berpegang dengan sesuatu mazhab daripada mazhab yang empat. (petikan dalam

bahasa Arab) Jadi, orang awam, orang 'ami, maksudnya orang yang alim juga bijak pandai, sekiranya dia sudah berpegang dengan sesuatu mazhab yang tertentu, maka dia mesti mengikut kaedah-kaedah mazhab itu. Kena ikut. Jangan caca merba. Jangan ikut suka. Selagi dia tidak berpegang dengan sesuatu mazhab yang tertentu, lazim bagi dia mesti berpegang dengan salah satu daripada mazhab yang empat. Ini panduan yang telah diberi, yang telah diwarisi beratus-ratus tahun dari dahulu lagi. Itulah yang telah dikemukakan oleh para ulama Melayu kita. Jadi, dengan dasar berpegang dengan mazhab ini, insya-Allah, kita tidak akan menjadi caca merba, tidak jadi rosak. Kemudian, ada satu lagi panduan untuk mengenal aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sepatutnya dipegang oleh masyarakat, bangsa kita, iaitu seseorang tokoh atau buku atau mana-mana maklumat yang kita ambil berkenaan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita hendaklah memastikan ia menerima aliran tasawuf yang muktabar dan juga menerima tarikat-tarikat muktabar yang telah diperakui oleh ulama yang bertakwa. Sekiranya mereka menolak, itu sesuatu yang perlu kita teliti, kaji semula. Kita jangan lupa kelebihan bangsa kita walaupun kita terbang tinggi melangit, akan balik juga ke kuala. Jadi, kita bangsa Melayu, ada tokoh-tokoh Melayu. Kita mestilah sentiasa merapatkan diri kita, menambahkan kasih, kajian kepada para ulama Melayu kita. Kemudian, soalan daripada pusingan pertama ini, ada satu soalan yang kedua itu, sejauh mana kepentingan dalam Islam untuk kita berpaut pada manhaj ini? Penting. Sangat penting. Pertama, manhaj ini yang diwarisi daripada Nabi SAW dan daripada para *salafussoleh*. Perbincangannya sangat luaslah, dari segi hujah, dalil dan sebagainya. Orang kita ini ada dua orang tokoh yang tidak asing lagi pada kita semua. Mereka juga memang mempunyai kemahiran yang sangat mampu untuk menerangkan, menjelaskan lagi bagaimana Ahli Sunnah Wal Jamaah ini. Memang asal usulnya tidak ada lain, tidak ada bukan, melainkan daripada Nabi SAW. Walaupun disebutkan istilah sifat 20 contohnya, orang kata ilmu sifat 20. Tidak ada pun Nabi mengajar sifat 20. Itu satu, orang kata sebagai satu persepsi yang boleh dijawab oleh para ulama, senang sahaja jawapannya. Cuma untuk menjawab soalan yang kedua ini, sejauh mana kepentingan ini, saya tidak mahu pergi jauh. Ada dua perkara yang saya nampak, apabila masyarakat kita, khasnya masyarakat Melayu tidak berpegang pada Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita akan menghadapi dua perkara, dua masalah yang sangat besar. Pertama, iaitu kita faham kesatuan umat itu adalah lebih kukuh titik tolaknya bermula daripada akidah. Jadi, kalau masyarakat Melayu kita masing-masing berpecah dari sudut akidahnya, akhirnya kesatuan kita akan pecah dan kita akan runtuh. Itu tidak dapat tidak. Kalau kita lihat dari sudut politik. Orang politik jika tidak berpegang pada Ahli Sunnah Wal Jamaah, politik akan bergaduh. Tidak habis-habis dengan bergaduh. Kita kalau sekadar bertelagah pendapat, itu tidak mengapa. Tetapi apabila

sampai pada tahap akidah, kita akan bersatu. Kita semua akan bekerjasama tinggalkan perbezaan pandangan dari sudut politik. Begitu juga dari segi ekonomi. Apabila ekonomi tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar, tidak ada pendidikan, kita akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bukan semata-mata dari sudut akidah, dari sudut sifat 20 sahaja, tidak. Kita menyeluruh. Kalau kita baca kitab-kitab para ulama yang mengemukakan perbincangan tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah, Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuk dalam disiplinnya, iaitu berkenaan dengan pendidikan rohani, tentang mazhab fiqah pun termasuk. Tengok contohnya dalam matan *Jawarah Tauhid*, disebut tentang tasawuf. Kepentingan kita mengikut mazhab *Junan al-Baghdadi* dan mazhab-mazhab muktabar yang dari sudut fiqahnya diikuti oleh para ulama. Itu yang pertama. Ada lagi contohnya. Kalau dalam bidang pentadbiran, jadi tiada kualitilah. Masalah pertama yang kita akan hadapi. Yang kedua, secara ringkasnya, kita akan menghadapi masalah ketiadaan keseimbangan, kestabilan, keadilan dan pertengahan. Sebab Ahli Sunnah Wal Jamaah ini ialah keseimbangan, kestabilan, keadilan dan pertengahan. Itu Ahli Sunnah Wal Jamaah. (baca petikan ayat al-Quran) Kemudian, dalam kitab-kitab tauhid yang dibaca peringkat awam di masjid, di surau, di pondok-pondok contohnya, kitab-kitab Jawi antaranya. Jadi, ulama membandingkan antara akidah Jabariah dengan Badariah, pertengahan itu a Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dicatat dalam kitab itu, iaitu sepotong daripada ayat al-Quran (baca petikan ayat al-Quran). Maksudnya, antara tahi dengan darah itu, susu yang suci, sangat lazat bagi para peminum. Begitulah Allah SWT mengibaratkan bagaimana, kalau ditafsirkan oleh para ulama, ayat itu berkenaan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (23:23 – 24:02)**

Baik. Setelah diterangkan oleh Tuan Guru tadi, Ustaz Abdullaah boleh sambung tidak tentang kita difahamkan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah ini antara perkara yang memang berlandaskan hadis Rasulullah dan menjadi pegangan utama. Tetapi berdasarkan apa yang disebut oleh Tuan Guru tadi, apakah amalan-amalan khas Ahli Sunnah Wal Jamaah sebelum merdeka di Tanah Melayu? Adakah ia mengikut bulat-bulat ataupun ada perkara-perkara lain dan apakah kaitan manhaj ini dengan budaya dan jati diri bangsa Melayu? Silakan, ustaz.

**Ustaz Dr. Abdullaah Jalil (ahli panel) = (24:04 – 33:49)**

Baik. Terima kasih. (doa pembuka bicara) Yang saya hormati, saudara pengerusi majlis, saudara Lokman Hakiem. Yang saya sangat hormati, Tuan Guru Haji Abd Raof bin Nurin dan juga sahabat dan juga sheikh, Dr. Ayman al-Akiti. Jadi, ahamdulillah, soalan yang ditanyakan kepada saya, adakah kaitan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan budaya dan jati diri

Melayu dan bagaimanakah manhaj ini sebelum merdeka dan sebagainya. Baik. Kita tengok, sebenarnya hubungan masyarakat Melayu dengan Islam ini adalah sangat luar biasa. Sangat luar biasa kerana Melayu itu sendiri didefinisikan dengan agama Islam. Bahkan, yang saya dimaklumkan bahawa ada dua bangsa yang mengikat ciri-ciri bangsanya itu dengan agama Islam, iaitu kita, masyarakat Melayu dan juga masyarakat Maldives. Jadi, alhamdulillah. Maknanya, Melayu kita ini tidak diikat dengan nasab keturunan. Maksudnya, hendak jadi Melayu tidak adalah syarat kena keturunan Parameswara ataupun mesti daripada keturunan sultan-sultan ataupun kabilah-kabilah tertentu. Tidak ada. Melayu ini satu bangsa yang didefinisikan dengan ciri-ciri, bukan keturunan. Kalau orang Arab, mungkin daripada Adnani atau Khosson. Itu orang Arab. Kalau Yahudi, keturunannya melalui sebelah ibu. Kalau sistem Islam, keturunan melalui sebelah ayah. Biasanya, keturunan ini didefinisikan dengan keturunan sesuatu kaum tetapi Melayu tidak. Sebab itu kita tengok Melayu ada Melayu dari Tanah Melayu, Melayu dari Nusantara, dari Bugis, Jawa, bahkan, pada zaman sekarang ini, ada Melayu muka Arab, Melayu muka Afrika dan sebagainya. Saya baca satu kajian, maknanya Melayu ini boleh menyerap bangsa lain menjadi bangsanya kerana tidak mengikat ciri-cirinya dengan darah. Ia mengikat ciri-cirinya dengan cara hidup. Cara hidup yang disyaratkan untuk menjadi Melayu ini, yang pertama, bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan budaya hidup Melayu. Jadi, kita ini memang mengikat ciri-ciri Melayu ini dengan agama Islam. Sebab itu berdasarkan definisi ini, tidak boleh hendak definisikan Melayu dengan bukan Islam kerana ciri-ciri itu telah diikat. Itu kaitan yang rapat. Berkenaan dengan rapatnya Melayu dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, memang juga sangat rapat berdasarkan beberapa teori kedatangan Islam ke Alam Melayu ini. Maksudnya, Melayu ini, apabila datang sahaja Islam, Islam yang datang itu dalam manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kalau kita katalah berdasarkan teori kedatangan Islam awal 1400 Masihi ke kerajaan Melayu Melaka, sekarang 2021, maknanya umat Melayu ini, kita sudah berpegang dengan Islam, Ahli Sunnah Wal Jamaah ini dari peringkat raja-raja sampai ke peringkat rakyat, kadi-kadinya, para ulamanya, kitab-kitab pengajiannya, madrasahnyanya, kita sudah berpegang dengan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah sekitar lebih kurang 620 tahun. Jadi maknanya, kaitan bangsa Melayu ini dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah itu adalah sejak awal kedatangan Islam ke Alam Melayu kerana Islam yang datang ke Alam Melayu ini kita panggil Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antara teori kedatangannya adalah daripada peniaga-peniaga, ada yang dari India, ada yang dari Yaman. Kalau saya belajar dahulu, ada seorang Profesor Madya kata, ada daripada peniaga-peniaga yang aktif berdakwah ialah peniaga-peniaga Yaman. Sebab itu kalau kita tengok, dari Yaman, masyarakat Islam yang duduk di sekitar pantai, di India dan

sebagainya, kemudian, sampai ke Indonesia, Malaysia, Filipina dan sebagainya. Itu semua ialah kawasan-kawasan perniagaan peniaga-peniaga Yaman yang membawa agama Islam. Kita pun tahu, manhaj kita dari segi agama sangat dekat dengan manhaj Yaman dari segi akidahnya, dari segi tasawufnya, dari segi fiqahnya. Jadi, saya hendak kongsi, hakikat kaitan umat Melayu Islam ini dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah telah terbukti sepertimana yang disebut oleh Sheikh Abdullah Fahim ataupun ulama kitalah, tokoh ulama yang sangat luar biasa, menguasai pelbagai disiplin ilmu Islam termasuk ilmu falak. Jadi, saya bacakanlah wasiat Sheikh Abdullah Fahim yang mashyur. Boleh rujuk wasiat ini di Internet. Apa kata beliau? (baca petikan dalam bahasa Arab) Tuan-tuan sedia maklum, beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa se-Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, awam-awam, kadi-kadi, ulama-ulama, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian, mereka itu bermazhab dengan mazhab Imam Syafi'i. Penekanan yang diberikan oleh Sheikh Abdullah Fahim, beliau sebut *ijma'an*, secara ijmak. Dalam kalangan ulama Melayunya, awamnya, kadinya, hukum hakamnya, kitab-kitabnya, pengajarannya, madrasahnyanya, pengamalannya di masjid dan pakar fiqah. Mazhab Syafi'i. Tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Syafi'i dan kata beliau, (baca petikan dalam bahasa Arab), diharamkan merobek ijmak. Ambil mereka itu hukum-hukum fiqah Syafi'i daripada kitab *Tuhfah* dan *Nihayah*. Kalau kita belajar fiqah mazhab Sayafi'i, kedua-dua kitab ini antara salah satu kitab emas mazhab Syafi'i. Jadi, kita memang rujuk kitab muhtabar mazhab Syafi'i sehingga kitab terjemahan dalam bahasa Melayu. Maknanya, kalau kita tengok karangan-karangan ulama Melayu Jawi kita, tidak terkeluar daripada mazhab Syafi'i. Tidak ada. Maknanya, mereka memang berijmak walaupun mereka belajar di Makkah, belajar banyak mazhab. Maknanya, empat mazhab muhtabar mereka mengaji tetapi apabila mereka bawa untuk diamalkan dan diajar kepada masyarakat awam, kadi-kadi, hukum dan sebagainya, mereka berijmak bawa mazhab Syafi'i. Usuluddin atas perjalanan Abu Hassan al-'Asy'ari. Kita *al-Asya'irah*. Sejak Islam datang, manhaj yang dibawa ialah manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, *al-Asya'irah* Syafi'i. Diambilkan daripada Syuru dan Hawasyi, kitab *Umul Barahim*, kata Sheikh Abdullah Fahim dan Imam al-Sanusi. Itu pun antara tokoh besar ulama *al-Asya'irah*, memberi kesan besar kepada perkembangan perbahasan akidah dalam mazhab *al-Asya'irah* dan *Jauharah Tauhid* oleh Imam Ibrahim al-Qani dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu. Kalau kita tengok akidah itu contohnya, memang sangat mirip dengan kitab-kitab *Umul Farahim*. Jadi, memang jelas perbahasan akidah kita, *al-Asya'irah*, sifat 20. Ilmu tasawuf atas perjalanan Imam al-Ghazali diambil daripada kitab *Minhajul 'Abidin* dan terjemahannya kepada Melayu. Maka kini, kitab-kitab dan seumpama ini segala hukum dalamnya, semua daripada al-Quran

dan hadis yang dihalusi dan ditapis oleh ulama yang cemerlang, terbilang, diamal lebih daripada 1000 tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun. Maknanya, kita ini mengamalkan mazhab muktabar yang tidak boleh orang pertikaikan.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (33:51 – 34:23)**

Kalau begitu, kita hendak bertanya kepada Dr. Ayman. Berdasarkan apa yang Ustaz Dr. Abdullaah nyatakan tadi, yang kita telah berpegang sampai 600 tahun, sejak Islam itu dibawa ke Tanah Melayu dan benda itu akan diganggu gugat. Adakah terdapat cabaran, mungkin selepas merdeka, dari segi perubahan sistem yang mengganggu pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini dan ia berlaku sampai ke 2021 ini? Ada atau tidak tentang perkara itu? Silakan.

**Dr. Ayman al-Akiti (ahli panel) = (34:35 – 44:45)**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum wbt. (doa pembuka bicara) Kepada yang terhormat, Tuan Guru Abd Raof, yang saya hormati dan saya kasihi, Dr. Abdullaah Jalil, para asatizah, tuan moderator, hadirin dan hadirat. Jadi, tadi kita sudah dengar definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Tuan Guru kita, Sheikh Abd Raof yang mensyarahkan dengan dalam, iaitu siapakah Ahli Sunnah Wal Jamaah, sumbernya dari mana. Lalu, amalan, sejarah Ahli Sunnah Wal Jamaah, definisi yang telah diberikan oleh Sheikh Abd Raof tadi memang lestari, mungkin 600 tahun lebih di Tanah Melayu seperti yang diterangkan oleh Dr. Abdullaah Jalil tadi. Tersepat rapi dalam wasiat Sheikh Abdullah Fahim dan kita tahu Sheikh Abdullah Fahim ini ialah salah seorang bapa kemerdekaan kita di Malaysia. Wasiat itu juga telah kami *tahkik* dalam satu buku kami, iaitu tentang perjuangan kemerdekaan Sheikh Abdullah Fahim dan perjuangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka, apakah cabaran yang mengganggu gugat Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia hari ini setelah merdeka? Kalau untuk menjawab soalan ini, saya sebagai seorang ahli akademik, kita selalu kena jujur. *You like it or not*, kita suka atau tidak suka, kita kena jujur dengan fakta ilmiah. Saya terpaksa kata, secara ilmiah, yang mengganggu gugat cabaran yang paling besar itu melalui dua sisi. Sisi dalaman Islam itu sendiri. Yang kedua, sisi luaran Islam. Yang pertama, yang perlu disyarahkan di sini ialah sisi dalaman Islam. Alhamdulillah, ketika kemerdekaan, kita tahu ada dalam kalangan umat Islam, orang Melayu yang ada di Malaysia ini pada waktu itu yang terpengaruh dengan dunia Barat, yang kita panggil dengan faktor luaran, kita akan syarahkan nanti. Akan tetapi, salah satu perjuangan yang jelas-jelas, betul-betul menjurus kepada semua masyarakat paling bawah, ini ialah orang yang bersifat agamawan, orang yang mencintai tanah air, perjuangan-perjuangan kemerdekaan, dengan pelbagai nama, yang kita sudah kenal bulan lepas tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan, mereka juga daripada kalangan tokoh-tokoh pondok dan lain-



lain. Juga daripada kalangan ulama, suatu akses yang paling besar. Akan tetapi, cabaran ini lahir daripada umat Islam sendiri apabila umat Islam di Tanah Melayu berusaha mengambil ideologi-ideologi yang datang daripada umat Islam jua. Hanya dia mengancam, iaitu apa yang sudah menjadi status quo di Alam Melayu atau di Tanah Melayu ini sendiri. Yang dipanggil dengan gerakan Kaum Muda. Awal-awal itu, ada ancaman. Hatta, pada zaman kemerdekaan itu, seperti Sheikh Abdullah Fahim, beliau menghadapi cabaran daripada kalangan siapa? Daripada kalangan Kaum Muda seperti al-'Aqibi, Sheikhul Hadi dan beberapa tokoh yang membawa Kaum Muda. Sudah tentu nanti Sheikh Abdullah Fahim sendiri mengadakan Muzakarah Ulama di Kepala Batas yang bertujuan untuk mengukuhkan kepada umat Islam, kepada ulama-ulama besar dalam politik Islam ketika itu. Ketika itu, parti PAS belum berpisah atau baru berpisah tetapi masih berpisah kerana isu loteri yang ada dalam kalangan UMNO, bukan isu politik yang ada pada hari ini, pergaduhan yang sudah selesai hari ini tetapi *you know, before this, it was a problem*. Jadi, ini yang membuatkan diadakannya Hizbul Islami, iaitu parti Islam. Mereka tidak mengadopsi ideologi yang ada di luar sana, yang ada di Mesir atau lainnya tetapi mereka memang murni membawa ideologi Islam menurut neraca ulama Melayu. Inilah yang dipertahankan dalam wasiat dan dalam Muzakarah Ulama Melayu. Akan tetapi, Kaum Muda menolak perkara tersebut dan mengarang satu lagi risalah yang dipanggil *Risalah Bid'ah* di Kepala Batas contohnya, kerana menolak status quo Ahli Sunnah Wal Jamaah tadi. Kita jangan lupa, ini fakta. Kita hormat orang tetapi idea, kita boleh kritik. Kita tahu hari ini di Malaysia, saya hairan, kita di mana-mana menjulang nama Hamka tinggi-tinggi, yang mana Hamka ialah salah seorang tokoh Kaum Muda. Padahal, kita ada ulama kita yang mengarang kitab berbahasa Arab, bukan bahasa Melayu. Hamka menulis dalam bahasa Melayu, yang mana bahasa Arabnya mungkin ada satu, dua sahaja tetapi kebanyakannya bahasa Melayu. Sedangkan, kita ada kitab-kitab berbahasa Arab yang dijadikan silibus, hatta oleh ulama Arab sendiri seperti Sheikh Nawawi al-Bantani, Khatib Minangkabau. Seperti ulama-ulama lain, Sheikh Wan Ahmad al-Fatani, yang karyanya dijadikan silibus di negara Arab tetapi tidak dihargai pada hari ini. Kita banyak kajian tentang Hamka tetapi tidak ada kajian tentang Sheikh Nawawi al-Bantani. Kenapa ini terjadi? Tidak ada kajian tentang Sheikh Wan Ahmad al-Fatani lebih mendalam atau paling tidak, kita tahu, ada sirah pertikaian yang besar antara mufti Johor dengan Hamka tetapi kita lebih cenderung kepada Hamka daripada kita membanggakan mufti negeri Johor sendiri, sedangkan Hamka dari Indonesia. Cuba kita nampak, kita bandingkan kedua-dua ini. Walaupun pada akhir hayatnya, dia kembali kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi tidak dibahas dan disohorkan ideologi tersebut. Saya melihat ini sebab apa? Kerana kurangnya ilmuwan kita pada hari ini terutama

*bahis* di universiti dan lain-lain mengkaji *nusus-nusus* dalam bahasa Arab dalam kalangan ulama Melayu berbanding dengan Hamka yang hanya menulis dalam bahasa Melayu. Kenapa kita tidak *explore*? Atau kitab-kitab turath ulama Melayu yang memang banyak ada di Nusantara, di Alam Melayu ini sendiri, di Malaysia sendiri seperti kitab-kitab Jawi lama yang perlu dikaji kembali. Ini ialah fakta yang menyebabkan cabaran paling besar. Cabaran dari luar pula ialah bagaimana pemikiran-pemikiran Barat yang mula masuk pada awal kemerdekaan, yang memberi satu pemikiran bahawa Melayu tidak boleh memerintah. Yang boleh memerintah hanya Barat. Kita tidak ada sistem. Kita ini jumud. Kita ini kampung. Kita ini sudah ketinggalan zaman. Kita ini purba. Dengan pelbagai fitnah yang muncul pada waktu itu. Kita kena lihat sejarah bagaimana Jepun yang mengalahkan kuasa Barat di Nusantara atau di Alam Melayu ini, yang membebaskan Alam Melayu daripada penjajah kolonial tetapi mengajarkan bangsa Indonesia misalnya, bahawa Asia Untuk Asia. Saya tidak kata bahawa Jepun itu baik, kita kena sokong, tidak pada waktu itu. Tetapi dia memberi jati diri kembali kepada orang Melayu bahawa kita boleh *govern our own country*. Saya baru tengok cerita *Leftenan Adnan* menunjukkan bahawa pada akhirnya mengatakan kita kena memerintah sendiri, bukan kolonial. Walaupun beliau pada waktu itu bersama-sama British, tetapi beliau masih ada cita-cita untuk menuju kemerdekaan kerana melihat bahawa kita berhak memegang negara ini. Dari sini, cabaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tergugat apabila kita tidak dapat *independent*. Kita berasa tidak *confident* dengan ilmu kita. Kita berasa masih bersandar dengan Barat sehingga apabila setelah merdeka, alhamdulillah, Islam sebenarnya sangat kuat. *Independent* dari segi karya-karya ilmuwan, soal-soal agama. Kita *independent*. Kita memakai turath kita daripada memakai yang ada di Barat dan lain-lain hanya setelah merdeka. Jauh setelah itu, ideologi-ideologi yang lain datang, masuk dan menghantui umat-umat Melayu. Bahkan, umat Islam sendiri dan mulalah membawa ideologi liberalisme, feminisme yang tidak benar, pluralisme dan lain-lain yang mengganggu gugat status quo umat Islam. Ini ialah dua cabaran dari luaran dan dalaman terhadap umat Islam. Maka, umat Islam pada hari ini perlu mengenal jati diri seperti yang telah disebutkan oleh Dr. Abdullaah Jalil tadi, oleh Tuan Guru Haji Abd Raof. Jadi, kenapa kita perlu *adopt something* yang bukan kita punya, yang datang dari luar? Kenapa kita tidak seperti, saya bagi contoh, Indonesia, mereka ada parti Islam, Naratul Ulama, sudah wujud jauh sebelum Ikhwanul Muslimin. Maka, apabila merdeka, mereka yang memperjuangkan kemerdekaan. Apabila sudah merdeka, mereka mempertahankan kemerdekaan. Apabila adanya *political parties*, mereka menggagaskan sebuah parti sendiri, dengan ideologi mereka tanpa memakai ideologi yang di luar, Ikhwanul Muslimin atau lain-lain. Mereka tolak. Mereka memakai, ini ideologi kita, Ahli Sunnah Wal

Jamaah, *al-Asya'irah*, *al-Maturidiyah*, *al-Syafi'i*, bermazhabkan tasawuf Imam al-Ghazali. Ini tersemat rapi dalam politik mereka. Tetapi di Malaysia, tidak. Kita hilang jati diri. *Gone*. Kita lebih hendak mengikut dengan perkara yang ada di Mesir, kita hendak *adopt* bawa ke sini. *Why that can be happen? Why we can't become independent?* Kita mencari merdeka. Kita pegang jati diri kita sendiri. Wallahuaklam.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (44:46 – 46:52)**

Baik. Jadi, saya rasa, dengan apa yang dikupas oleh Dr. Ayman tadi, rasanya pentinglah untuk pihak kita mendokumentasi atau memvisualkan kitab-kitab ini dan didedahkan kepada masyarakat bahawa inilah kitab-kitab ulama yang ada di Tanah Melayu yang kenapa tidak pernah dihargai. Sebab apabila bercakap tentang ini, saya rasa, ini sekadar imaginasi. Kita ada kitab ini. Tetapi bagaimana rupanya, bagaimana tulisannya, bagaimana isi kandungannya, masyarakat tidak nampak. Perlu ada usaha daripada, mungkin daripada pihak kita semua untuk memvisualkan sebagai warisan, yang tolonglah jangan hilang untuk sekian kalinya. Sebab macam artifak Melayu, banyak sudah hilang. Jangan sampai artifak-artifak berkait dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini pun hilang juga. Baik. Sebelum kita memasuki pusingan kedua, kita bacakan komen-komen daripada penonton kita. Seperti yang pertama, daripada Al Hafiz Saiful Saiful, “Antara yang faqih empat mazhab ulama Melayu, Syeikh Said al-Linggi.” Daripada Hunter Melaka, “Sejarah Nusantara di Indonesia ketika sembilan wali yang berpegang pada Ahli Sunnah Wal Jamaah tiba-tiba keluar pula Sheikh Siti Jenar yang berpegang kuat pada tasawuf. Soalan saya pada Tuan Guru, adakah tasawuf yang dibawa oleh Siti Jenar boleh memesongkan akidah? Salah satu pendapat Siti Jenar, ‘bagiku mati itu umpama tidur yang panjang.’” Antara komen lain, daripada Faqir Akhirat, katanya, “Antara syarat nak mengenali Ahli Sunnah Wal Jamaah, bawa akidah sifat 20, tidak menolak manhaj tasawuf dan tarikat, berpegang pada empat mazhab.” Baik. Jadi, untuk soalan seterusnya, mungkin Tuan Guru boleh menyebut sedikit tentang keadaan hari inilah. Apabila kita tengok manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah ini, tidak lagi begitu menjadi pegangan hidup sepertimana yang disebut oleh Dr. Ayman, setelah merdeka, banyak elemen lain yang masuk. Jadi, sejauh manakah keadaan ini mungkin boleh merosakkan pegangan agama, akidah, adab, budaya dan jati diri bangsa itu dari pandangan Tuan Guru? Silakan.

**Tuan Guru Haji Abd Raof bin Haji Nurin Hafidzahullah (ahli panel) = (46:55 – 57:43)**

Terima kasih, pengerusi. Yang dimulihkan, Dr. Ayman, Dr. Abdullaah Jalil. (sebut dalam bahasa Arab) Jadi, berkenaan dengan kerosakan, akibat daripada tidak berpegang pada manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pertamanya, *confirm* memang bahaya dan sangat

merosakkan. Kalau kita pandang apakah akibat daripada tidak berpegang pada manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah yang merupakan manhaj yang saya sebut tadi, iaitu sederhana dan ada kestabilan, ada keadilan, pertengahan, ada keseimbangan. Perkara-perkara tersebut berkaitan dengan empat perkara tadi, jadi tidak ada keseimbanganlah akibat daripada tidak berpegang pada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tidak ada kestabilan, tidak ada keadilan dan tidak ada pertengahan, sederhana tidak akan berlaku. Kalau kita lihat contohnya dalam bidang bermazhab, apabila tidak memegang mazhab akidahnya Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dari sudut fiqahnya, mazhab-mazhab yang telah dikemukakan oleh para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah itu sendiri, antaranya mazhab yang empat. Kalau dari sudut kita di Alam Melayu, iaitu sentiasa berpegang dengan mazhab Syafi'i, nescaya individu tersebut akan bermazhab juga tetapi bermazhab sendiri, mazhab akalunya. Walaupun dia dakwa, dia kata dia bersandarkan al-Quran dan *al-Sunnah* tetapi itu sebenarnya sifatnya sendiri. Ulama-ulama yang faham masalah ini, mereka sebenarnya boleh menjawab dengan jawapan yang tuntas, perbincangan yang berlaku pada peribadi tersebut, yang dia sudah silap sebenarnya. Kadang-kadang, orang itu, peribadinya sendiri, bahasa Arab pun tidak pandai, nahu saraf pun tidak pandai. Beza antara *mubtada'* dengan *khobar* pun cari tidak jumpa. Jadi, kalau tidak boleh berbahasa Arab, macam mana dia hendak mengambil terus hukum hakam itu daripada al-Quran, daripada *al-hadis*. Itu perkara yang sangat besar salahnya yang telah diperingatkan oleh para ulama yang muktabar dari zaman dahulu lagi. Itu yang pertama. Itu yang kadang-kadang kita jumpa masalah-masalah fiqah yang pelik-pelik. Akibat tidak memegang pada anjuran yang telah dianjurkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah sendiri. Kalau dalam bidang tauhid contohnya, kita akan jumpalah orang-orang yang berkata tuhan itu bertempat, ada di atas langit dan macam-macam lagilah. Hari ini pun kita jumpa. Ada sesetengah orang berkata tuhan itu ialah gerakan getaran-getaran. Ini contoh. Mereka bangsa Melayu. Yang saya sebut contohnya ini sebenarnya bangsa kita, bangsa Melayu. Mereka itu sendiri pun mengaku mereka Islam. Bukan masalah mereka sudah keluar daripada bangsa Melayu. Masalah lain, kita tidak bincanglah. Mereka masih bangsa Melayu. Nama pun nama Islam, nama Melayu. Tetapi tentang ketuhanan, tuhan itu getaran. Getaran itu tuhan. Itu bukan ajaran yang sebenar. Dia sendiri pun tidak tahu perkara itu salah. Dia sendiri pun tidak berjumpa dengan mana-mana tokoh yang boleh membetulkan pegangan itu. Dia tidak sedar kesalahan yang melibatkan akidah itu menyebabkan banyak kesalahan lain akan berlaku. Benihnya daripada akidah. Kalau kita tengok dari sudut adat dan budaya pula, kita jumpa orang Melayu, dia pun mengucap dua kalimah syahadah. Hari raya pun pakai sampin. Dia sembahyang atau tidak sembahyang itu soal kedualah. Dia datang masjid sembahyang hari raya, setahun dua kali.

Tetapi bela anjing. Sebab dia tidak berpegang dengan mazhab yang mantap yang telah diputuskan, yang muktabar. Hidupnya membela anjing. Kadang-kadang dia sendiri pun bercakap, saya tidak tahulah saya Islam atau tidak. Dia boleh cakap begitu. Dia orang Melayu, orang cerdik. Kita jumpa pula dari segi lain pula, golongan yang dikatakan golongan LGBT, gay. Kononnya, atas dasar kebebasan memberi pendapat. Ini sebenarnya adalah berpunca daripada tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Itu yang kedua. Kemudian, ada lagi, yang ketiga. Saya peringatkan, punca apabila tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini, bukan orang yang seperti Kaum Muda sahaja, sebenarnya banyak termasuk golongan ekstremis pun sebenarnya akibat tidak berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka jadi ekstrim. Ekstrimis ini ada banyak kategori termasuk golongan liberalisme, pluralisme, radikal. Jadi, golongan esktrimis ini sendiri masalahnya mereka orang Melayu. Kalau mereka bukan orang Melayu, kita tidak bincanglah tetapi mereka orang Melayu. Apabila disiasat, mereka Islam. Mereka tidak kata mereka kafir, mengaku Islam. Jangan tuduh kami kafir, macam-macam dakwaan mereka. Sedangkan, jati diri Melayu mereka sudah hilang. Sebab fahaman yang begitu bukan daripada fahaman jati diri Melayu. Kita boleh buat semakan macam mana sikap-sikap orang Melayu yang Islam, yang kita sudah warisi ini beratus-ratus tahun dahulu sejak zaman nenek moyang kita. Kita boleh tengok rekodnya, catatannya sepertimana yang Sheikh Ahmad Fatani sebut dalam kitabnya. Macam mana sikap orang Melayu yang lemah lembutnya. Ada banyak sikap orang Melayu yang positif. Sebab itu zaman dahulu boleh membina tamadun Melayu. Tamadun Melayu Melaka itu sebenar, bukan rekaan sejarah. Kita tengok lagi contoh-contoh orang yang tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang boleh menyebabkan hilang sifat jati diri bangsa Melayu. Kehidupannya kebingungan, tidak tahu hala tuju. Sesetengah itu mengatakan, minum arak dibolehkan, tidak salah, hak individu. Ini contoh masalah seperti yang saya katakan tadi, kerana orang Melayu. Orang Melayu yang mengaku Islam tetapi boleh berkata begitu kerana tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Boleh buat siasatan. Sesetengah mereka itu berpendapat pula memberi sokongan yang padu kepada maksiat-maksiat, pesta-pesta minum arak. Itu akibatnya. Ada satu lagi perkara yang saya rasa penting juga disebut, iaitu dari sudut kefahaman. Apabila tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar, apa yang digariskan itu termasuk dalam bab fiqh, tasawuf, akidah pula fokus utama. Kalau dari sudut kefahaman, dari sudut fiqh itu sendiri contohnya, orang Melayu kita juga bermazhab Syafi'i. Dia mengaku dia bermazhab Syafi'i. Contoh dalam bidang keseniaan. Apabila dia memahami seni itu berdasarkan fahaman luaran, fahaman dari Barat yang mengatakan seni itu bagaimana, maka bagi dia boleh melukis

gambar porno, gambar bogel kerana itu satu kesenian. Sedangkan, itu akibat tidak berpegang dengan mazhab yang muktabar. Contohnya, mazhab Syafi'i yang muktabar. Kemudian, dari sudut kalimah muzik itu sendiri. Apabila dia tidak beriltizam dengan sesuatu mazhab yang tertentu, kalimah muzik itu pun bermasalah. Ia akan sama tafsir muzik itu sepertimana fahaman Barat. Sedangkan, kalau pun kita kumpul dalam buku-buku tokoh orang Melayu kita, orang Islam, ustaz-ustaz kita, yang menggunakan kalimah muzik sepatutnya sepertimana yang dibahaskan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab beliau. Padankan makna muzik itu betul-betul ambil daripada makna yang ada di Barat, jadi, berlaku muzik maksiat. Itu kepincangan akan berlaku apabila tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang saya nampaklah. Wallahuaklam.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (57:45 – 58:32)**

Baik. Kita hendak bacakan satu komen daripada Khalifah Mukabumi. Katanya, “Senario hari ini menunjukkan pudarnya amalan sunah dalam kalangan orang awam di Malaysia melainkan segelintir ahli ilmu dan juga jemaah tabligh. Sedangkan, puluhan pertubuhan daripada kaum Melayu yang bersandarkan keagamaan khususnya di negara ini.” Jadi, untuk memetik kenyataan daripada penonton kita ini, boleh disentuh oleh Ustaz Dr. Abdullaah tentang di manakah peranan pemimpin negara termasuk mungkin para pensyarah di universiti dalam menjaga kesucian dan ketulenan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah sepertimana yang Dr. Ayman sebut tadi, berlaku kepincangan dan kerosakan-kerosakan daripada orang-orang yang ada *title* itu sendiri. Pada pandangan ustaz, macam mana? Silakan.

**Ustaz Dr. Abdullaah Jalil (ahli panel) = (58:35 – 1:06:50)**

Baik. Terima kasih, Lokman Hakiem. Yang saya hormati, Tuan Guru Haji Abd Raof dan sahabat, Dr. Ayman al-Akiti. Baik. Apabila disebut peranan pemimpin dan juga peranan universiti, saya lebih suka sebut bahawa universiti ini benda baharu. Maksudnya, zaman-zaman baharu universiti. Kedatangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Islam lebih awal dan kita kena akui bahawa sumbangan institusi madrasah, pondok, sumbangan para ulama turath kita telah menjaga agama dan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam masyarakat Melayu. Kalau kita baca sejarah, bagaimana mereka menubuhkan pondok, kemudian mereka menubuhkan pusat-pusat pengajian, bahkan, mereka mengajar di masjid dan surau. Ada saya baca, seorang tuan guru di Negeri Sembilan sanggup keluar, naik basikal, kemudian tidur di masjid dan surau tempat beliau mengajar, selepas tiga hari baru balik ke rumah. Saya baca macam Sheikh Hussin di Kedah, bagaimana beliau menubuhkan hampir tujuh pondok, berulang-alik Pulau Pinang, Kedah dan sebagainya. Jadi, mereka ini telah berjuang dengan

begitu dahsyat dan luar biasa dan melahirkan pelapis-pelapis yang mendidik masyarakat menjaga agama ratusan tahun. Universiti baru muncul. Jadi, bagi saya, orang universiti ini, kita kena hormatlah institusi yang telah berjasa begitu lama kepada masyarakat. Bahkan, kalau kita tengok, kitab yang diajar di masjid-masjid, surau, banyak kitab Jawi juga, kitab ulama-ulama turath kita, ulama-ulama pondok kita. Jadi, saya memang kena akui bahawa yang menjaga pegangan, amalan, kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam masyarakat Melayu untuk ratusan tahun, bahkan sehingga hari ini ialah ulama-ulama turath yang berpegang dengan manhaj turath yang disebut oleh Sheikh Abdullah Fahim tadi. Baik. Peranan akademik, pensyarah. Ini pun saya kena jujur macam Dr. Ayman sebut. Di universiti, sejak akhir-akhir ini sangat merisaukan. Kita kenal, ada ahli akademik, orang universiti yang mengatakan tuhan ini duduk. Bahkan, ada yang menuduh beberapa orang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai tokoh syiah. Kemudian, menolak prinsip-prinsip asas bermazhab, membidaahkan dan menghukum syirik amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini datang daripada pensyarah-pensyarah universiti selain orang yang di luar itu. Jadi, saya boleh ibaratkan apa yang berlaku ialah pencemaran ilmu. Pencemaran ilmu telah berlaku. Bahkan, baru-baru ini Johor telah mengharamkan beberapa buku agama yang tajuknya macam Ahli Sunnah Wal Jamaah, tajuknya macam mazhab Syafi'i tetapi lari daripada manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, lari daripada mazhab Syafi'i. Jadi, pemerksaan ilmu manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan para pensyarah akademik universiti sangat perlu dilakukan kerana telah berlaku pencemaran. Bahkan, saya nampak, kalau orang awam belajar di masjid, surau, insya-Allah lebih selamat oleh guru-guru yang diberi tauliah dengan kitab-kitab yang disyarahkan. Lebih selamat berbanding kalau masuk perbahasan seorang pensyarah yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab ataupun yang membawa fahaman seperti wahabi, syiah ataupun fahaman liberal, plural dan sebagainya. Merisaukan. Jadi, peranan ahli akademik atau para pensyarah Ahli Sunnah Wal Jamaah di universiti hendaklah kembali memperkasakan sama ada dari sudut penerbitan, perbincangan perlu mengukuhkan kembali manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah ini. Baik. Bagi pemimpin pula, sepatutnya pemimpin jadikan antara akidah dengan *vote*, akidah itu lebih utama. Jangan semata-mata kerana kita hendak mencari undi, kita sanggup mengabaikan aspek agama dan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kalau kita tanya satu soalan, siapakah dalam kalangan pemimpin yang ada agenda Ahli Sunnah Wal Jamaah? Kalau kita tengok, kita ambil contoh, ulama dahulu, contohnya ulama Kelantan memasukkan definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Undang-undang Tubuh Negeri. Undang-undang Tubuh Negeri ini ibarat Perlembagaan Negara. Satu-satunya negeri yang memasukkan definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Undang-undang Tubuh Negeri,

hanya Kelantan. Kita harapkan, kalau boleh lebih banyak lagi negeri yang akan mengikutinya. Mungkin ada sebahagian negeri masukkan, kebanyakannya masukkan dalam fatwa. Ada sebahagian fatwa, diwartakan. Jadi, bagaimana hendak dapatkan kekuatan undang-undang dalam memperkukuh Ahli Sunnah Wal Jamaah? Bagaimana hendak buat pendakwaan terhadap orang yang menyebarkan ajaran yang menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah? Akhirnya, yang didakwa hanyalah yang tidak bertauliah. Itu teknikal. Tetapi sepatutnya dakwaan itu kerana menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi fatwa yang diwartakan ataupun kenyataan yang disebut dalam enakmen pentadbiran agama ataupun yang lebih hebat lagi, kalau dapat dimasukkan dalam Undang-undang Tubuh Negeri. Jadi, saya nampak dari sudut Ahli Sunnah Wal Jamaah, para pemimpin perlu ada agenda untuk memperkasakan dan mengukuhkan kedudukan Ahli Sunnah Wal Jamaah, khususnya dalam undang-undang. Dalam pendidikan, alhamdulillah. Walaupun pernah ada cabaran serapan masuk fahaman-fahaman ataupun metodologi yang tidak benar-benar menepati manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah*, tetapi alhamdulillah, sejak akhir-akhir ini dapat diatasi. Jadi, aspek yang sangat penting dalam menjaga manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam masyarakat, ada dua pada pandangan saya. Pertama, aspek pendidikan. Pendidikan ini dari bawah sampai akhir. Baru-baru ini, saya ada nampak satu buku akidah untuk kanak-kanak yang menyebut, tuhan itu bertempat di langit. Di mana Allah? Allah itu bertempat di langit. Yang bertempat di langit ini, para malaikat. Langit ini akan hancur. (baca petikan ayat al-Quran) Maksudnya, penduduk langit akan hancur. Macam mana boleh kata tuhan di langit? Tuan Guru kata, ada yang membawa fahaman tuhan menggerakkan arasy, berpindah-pindah dan sebagainya. Jadi, aspek yang perlu diperhatikan dalam memperkukuh Ahli Sunnah Wal Jamaah ini, pertama, pendidikan. Yang kedua, undang-undang. Tolong masukkan *legal standing*, kuasa undang-undang bagi memperkukuh, mempertahankan dan menguatkuasakan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Itu pandangan saya, insya-Allah. Jadi, peranan politik lebih kepada undang-undang. Peranan pendidik, pensyarah, para tuan guru, asatizah lebih kepada pendidikan. Gabung dua ini, cantik. Ulama dan *umara'* bergabung. Insya-Allah.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:06:51 – 1:07:47)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Abdullaah. Betapa pentingnya pendidikan dan juga undang-undang. Kalau kita lihat secara keseluruhan, apa lagi yang sebenarnya kita kena buat untuk mengekalkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam jati diri umat Islam di Malaysia? Sebab apabila kita bercakap tentang perkara ini, saya sebagai orang awam melihat hanya



segelintir sahaja terbuka matanya, terbuka mindanya, terbuka hatinya untuk mengkaji dan mendekati diri dengan kekuatan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sedangkan, kita ada jutaan lagi rakyat yang mungkin tidak tergolong disebabkan faktor persekitaran, kerja, keluarga, tidak masuk universiti. Mereka ini tidak boleh ditinggalkan. Mereka ini juga umat Islam yang perlu sama-sama ditekankan bahawa penting Ahli Sunnah Wal Jamaah itu sebagai pegangan kita. Pada pandangan Dr., bagaimana tentang golongan ini? Silakan.

**Dr. Ayman al-Akiti (ahli panel) = (1:07:49 – 1:17:02)**

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada tuan moderator. Jadi, meneruskan apa yang telah disebutkan oleh Dr. Abdullaah Jalil tadi, saya berpendapat bahawa yang pertama sekali dan utama dalam kalangan kita, agamawan, yang juga berada dalam dunia akademik dan intelektual termasuk dalam kalangan tok guru-tok guru pondok adalah untuk kembali (sebut dalam bahasa Arab). Maksudnya, menghidupkan kembali khazanah Islam, Ahli Sunnah Wal Jamaah kita yang sudah lama atau ada yang sudah dikuburkan. Kita perlu hidupkan kembali. Saya bagi contoh. Di Maghribi, Morocco, mereka bertahun-tahun, Morocco ialah negara monarki. Sampailah tahun 2010 atau 2011, terjadi *reformation*, sebuah reformasi perlembagaan yang menyebabkan adanya parti politik. Ada raja, macam kitalah, iaitu raja berperlembagaan. Maksudnya, parti politik itu ada sedikit bahagian kuasa dalam negara. Ketika ini terjadi, maka ancaman yang paling besar, apabila ada ahli politik menggunakan Islam demi *political mileage* mereka. *This what happened*. Ini terjadi di Maghribi. Maka, apa yang terjadi? Tahun 2012, 2013 itu, raja Morocco menitahkan untuk mengembalikan kenapa kita berkiblatkan politik Islam ini kepada dunia Mesir. Mana kita punya jati diri? Maka, baginda mengembalikan kepada ulama turath. Maka, apa terjadi ketika itu? Saya pelajar Master, pelajar PhD, rata-ratanya semua disuruh untuk mentahkik manuskrip. Jadi, semua universiti mula disuruh untuk mentahkik manuskrip, mengeluarkan manuskrip. Di perpustakaan raja Morocco waktu itu ada lebih kurang 300 hingga 400 judul ilmu akidah, ilmu kalam yang belum ditahkik pada tahun 2012. Waktu saya daftar PhD 2014, tinggal lebih kurang 10 atau 20 kitab yang belum ditahkik. Satu Morocco berebut. Sebab apa? Sebab tesis tidak boleh dah hendak buat maqasid syariah A, maqasid syariah B, maqasid syariah C. Sebab apa? Istilah maqasid *is just like a cosmetic*. Sampai hari ini, apabila orang cakap maqasid syariah, saya rasa macam, apa yang dia hendak cakap sebenarnya? *It's like a cosmetic. So, we have to be frank*. Kita kena cakap terus-terang. Kalau kita hendak jati diri, kita hidupkan turath kita kembali. Saya bagi contoh paling mudah. Ulama Nusantara dari dulu beramal dengan *Dalaul Khairat* seperti yang disebutkan oleh Raja Ali Haji. Mana kitab ini sekarang

diamalkan oleh seluruh ulama Melayu? Sudah tidak ada. Jarang diamalkan. Di masjid-masjid sudah tidak dibaca. Kita kena mulakan semula, hidupkan semula, selepas asar, baca *Dalaul Khairat*. Sebab itu, kita, insya-Allah, kena terbitkan *Dalaul Khairat* sebanyak-banyaknya, mengajak masyarakat Islam mengamalkan *Dalaul Khairat*. *Ratib al-Khaddad*, di Johor, alhamdulillah, banyak masjid yang membaca *Ratib al-Khaddad*. Ini bagus. Ini memang amalan beratus-ratus tahun di Nusantara. Hari ini, orang lebih kenal dengan *mathurat* yang baru ditulis pada abad ke-20 Masihi daripada *Ratib al-Khaddad* yang ditulis oleh Khutul Irsyad pada abad ke-12 Hijrah, iaitu 500 tahun yang lalu yang Sheikh Khutul Irsyad, iaitu Sheikh Abdullah al-Hadad ialah kawan baik kepada Yusuf al-Maqsadari. Kenapa kita tidak hidupkan kembali *Ratib al-Khaddad*? Ini yang saya sebut dalam artikel saya baru-baru ini. Jangan apabila kita dengar *Ratib al-Khaddad*, ini bukan Rasulullah SAW, tidak boleh amalkan. Kita kena amalkan apa yang *warid* daripada Rasul sahaja. Padahal dia tidak tahu bahawa *Ratib al-Khaddad* itu dari awal sampai akhir, semuanya ada dalil yang sumber daripada Nabawi ataupun al-Quran al-Karim. Ini saya bagi contoh. Hanya kerana kita tidak pernah baca syarahnya, kita mentohmah macam-macam. Hanya sebab kita tidak tahu, kita anggap ia bidaah. Ini perangai yang tidak betul dan perlu kita perbetulkan. Kita hidupkan kembali jati diri Nusantara kita. Kita tahu sejarah umat Islam Nusantara di Malaysia, di Indonesia, seluruhnya, sebelum merdeka. Memang semuanya tarikat. Tiba-tiba hari ini, bertarikat bunyinya pelik. Orang kata, ini tidak boleh, bidaah, sesat. Apa hendak jadi? Ini masalahnya. Kerana apa? Kejumudan berlaku pada hari ini. Kita sudah hilang jati diri. Usaha yang kedua ialah sumber daya manusia ataupun ilmu itu kena *rasikh* dalam kalangan ulama Melayu. Ulamanya sudah alim. Kita kena melatih murid-murid kita untuk menjadi ulama. Kita dahulu, pondok besar-besar. Saya ingat lagi, saya baca buku sejarah. Di Perak, mengaji kitab *al-'Um* di masjid itu sudah biasa, berbahasa Arab. Bahkan, datuk saya mengaji kitab *al-'Um*, kitab Arab. Datuk saya bukan pelajar pondok. Beliau boleh faham dan boleh buat nota di bahagian tepi, dalam tulisan Jawi. Beliau boleh buat perkara tersebut. Kenapa kita pada hari ini terlalu jauh daripada bahasa Arab? Kerana sumber daya manusia, *human resources* ini telah jatuh, sudah rendah, sampai budak belajar agama sekarang pun, bahasa Arabnya lemah. Tidak payah susah. Kita pergi universiti, USIM, UIA dan lain-lain, UKM, UM. Berapa banyak pelajar Master, PhD yang bahasa Arabnya kuat? Sebab apa? Sebab ilmu kita itu kurang hingga apabila perdebatan agama, perdebatan ahli sunah atau tidak, bidaah atau tidak, amalan mana yang betul, yang boleh amal atau tidak. Kita di Malaysia ini tidak boleh menjadi *independent*. Kita terlalu bersandar pada orang luar berbanding ulama kita sendiri. Kenapa ini terjadi? Ini pertanyaannya. Kenapa kita tidak maju? Kita tidak buat sendiri. Saya ingat lagi,

dulu saya di Indonesia, di pondok. Ada pensyarah wahabi mempersoalkan *tawasul istighasah*. Tak lama. Seminggu kita hantar surat, ajak, panggil muzakarah. Tidak kisah hendak tertutup atau terbuka. Kita belajar pondok. Belajar pondok itu semua tidak pernah ke negara Arab. Hari ini, apabila ada isu, kita hendak panggil muzakarah. Semua Ahli Sunnah Wal Jamaah lari. Semua *surrender*. Kenapa? Kita kena berani, kena lahirkan ulama untuk siap menjadi benteng Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini yang kita perlu. Yang ketiga, kita kena bergerak progresif. Kita tidak bergerak. Semua benda kita lambat. Orang *complaint* ada isu, ada masalah, sudah jelas ada bukti tetapi lambat hendak selesaikan. Undang-undang, itu proses politik. Saya tidak masuk campurlah. Itu hak ahli politik, bukan urusan saya. Tetapi dalam kalangan ilmuwan, dalam kalangan ahli akademik, apabila kita menulis karya-karya ilmiah, kita takut hendak sebut, kita takut hendak dedahkan, kita takut hendak berbincang dengan tulisan yang jelas. Kenapa perkara ini terjadi? Kita tidak progresif. Yang terakhir ialah persatuan. Ini penutup sayalah. Persatuan di mana Ahli Sunnah Wal Jamaah, umat Islam kita, orang Melayu kita berpecah-belah dengan banyak *fraction* dan terpecah lagi. Ini perkara yang sangat meresahkan. Kalaulah kita boleh cari satu *stick holder* yang boleh mengumpulkan semua fikrah *fraction* ahli sunah ini, pecahan ahli sunah ini, kumpulkan jadi satu semula, damaikan. Paling tidak, macam inilah. Ada kelompok A, tidak setuju dengan B. B tidak setuju dengan A tetapi dua-dua mengaku *al-Asya'irah*, *al-Maturidiyah*, Syafi'i, tasawuf. Boleh tidak kita macam ini? Okey, saya berpendapat macam ini, kamu berpendapat macam ini. Bab ini kita tidak payah sebut, menyebabkan kita bergaduh. Kita berjalan bersama. Kita ada *common enemy which is* yang ada di luar sana, dengan wahabinya, liberalisme, syiah dan lain-lain. Kita bersama-sama jawab. Yang perbezaan antara saya dengan anda, kita anggap ini khilaf. Kita terima. Kita jangan kritik dia, dia jangan kritik kita. Selesai. Boleh tidak kita buat begitu? *But it doesn't happen*. Itu tidak terjadi sampai hari ini. Ini ialah empat cadangan saya untuk ahli sunah bersatu.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:17:06 – 1:18:45)**

Okey, Dr. Ayman. Agak padu. Tetapi itulah kebenaran pahit. Walaupun pahit, kena telan dan kena hadap juga. Sebelum kita masuk ke bahagian kesimpulan, kita akan bacakan sedikit komen daripada penonton kita. Daripada Kama Ita, “Kenapa program begini tidak ada di masjid-masjid juga surau?” Insya-Allah, mungkin selepas ini para ulama kita, imam-imam *join* Demi Melayu, mereka tergerak hati, insya-Allah. Daripada Mohd Zulfikri, “Assalamualaikum, Tuan Guru dan para Dr. Maaf bertanya. Bagaimana untuk mengekalkan jati diri orang awam kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sekarang ini lebih cenderung

kepada ahli hadis, seolah-olah mereka ini lebih ke hadapan dalam meletakkan hukum hakam, seolah-olah semua ilmu dirujuk kepada ahli hadis. Lebih menonjol kepada orang awam. Orang awam sekarang seperti *conflict of identity*. Maaf bertanya buat ahli panel. Terima kasih.” Daripada pembaca kita lagi, “Saya ada soalan kepada Ustaz Dr. Ayman. Apa pendapat ustaz, jika ada pengajian dalam sekolah harian terutama sekolah menengah dalam subjek SPM?” Faudzee Abd Hamid, katanya, “Awas, Salafi dah masuk ke dalam kerajaan sama ada dalam kalangan ulum amri mahupun yang bertanggungjawab menjaga agama. Maka, mereka semakin berani sekarang.” Baik. Jadi, untuk kesimpulan, kita buka lima minit kepada setiap ahli panel. Kita bermula dengan Tuan Guru Haji Abd Raof untuk menyimpulkan topik kita pada malam ini, “Kita Sudah Merdeka: Di Manakah Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kehidupan Kita?” Silakan, Tuan Guru.

**Tuan Guru Haji Abd Raof bin Haji Nurin Hafidzahullah (ahli panel) = (1:18:48 – 1:22:26)**

Terima kasih, pengerusi. Yang dimuliakan, Dr. Abdullaah Jalil, Dr. Ayman al-Akiti dan para hadirin yang hadir pada malam ini. Pada sudut kesimpulannya, saya tidak bercakap panjanglah. Usaha-usaha ke arah memartabatkan dan mendaulatkan semula Ahli Sunnah Wal Jamaah, *al-Asya'irah, al-Maturidiyah* ini adalah sangat perlu. Jadi, semua pihak sepatutnya berusaha sama ada daripada pihak pemerintah mengusahakan sebagaimana yang dikemukakan, dicadangkan oleh Dr. Abdullaah Jalil tadi. Bagi pihak pendidik, sebagaimana yang dibincangkan oleh Dr. Ayman tadi. Daripada peringkat awam pun, masing-masing hendaklah memainkan peranan untuk memartabatkan, mengembalikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan pengamalannya, tarbiahnya. Jadi, apa cara pun, masing-masing hendaklah berusaha, berijtihad, cari jalan supaya akidah ini dapat dimartabatkan semula dengan begitu kukuh sebagaimana yang telah berlaku pada zaman silam, zaman keagungan tamadun Melayu. Sangat sedih kalau bangsa Melayu kita yang masih ada saki-baki memegang tampuk kekuasaan, ada dalam kalangan kita ini yang memandang mungkin tidak tahap sebelah mata, mungkin sipi-sipi. Kita mula tidak memandang secara serius tentang pengajian sifat 20. Jadi, itu satu perkara yang sepatutnya menjadi teguran kepada mereka yang telah direzekikan dapat memegang sedikit tampuk kekuasaan untuk bersungguh-sungguh kerana diingatkan kekuasaan yang diwarisi itu sebenarnya ialah milik Allah SWT dan dengan izin Allah juga. Jadi, kita mestilah memberi tumpuan juga kepada yang telah memberi, iaitu Allah SWT. Itulah ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pastikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apa yang kita warisi hari ini sebenarnya daripada orang zaman dahulu. Mereka membawa akidah Ahli

Sunnah Wal Jamaah. Begitu juga dengan politik zaman dahulu. Itu satu cadangan saya yang terakhir. Terima kasih kepada program pada malam ini yang sangat menarik dan mungkin boleh dipanjangkan lagi pada masa-masa yang akan datang untuk menghalusi lagi perbincangan tentang hubung kaitnya akidah ini dengan Alam Melayu. Sekian sahaja. Wallahuaklam.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:22:27 – 1:22:35)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Guru. Bagaimana dengan Ustaz Dr. Abdullaah tentang topik pada malam ini, sebagai kesimpulannya? Silakan.

**Ustaz Dr. Abdullaah Jalil (ahli panel) = (1:22:36 – 1:26:13)**

Baik. Terima kasih, saudara Lokman Hakiem. Saya suka untuk ingatkan apakah sebaik-baik bekalan yang kita hendak bawa selepas mati. Maksudnya, kita hendak bawa amalan dan akidah yang diterima oleh Allah SWT. Akidah yang tidak ada ragu-ragu pada kebenarannya. Akidah yang menjadi pegangan ulama-ulama, yang tidak diragui kebenarannya. Itulah sebaik-baik bekalan yang kita hendak bawa nanti di alam akhirat, manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Akidah kita akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Macam Imam Syafi'i mengatakan, aku lebih suka kamu berjumpa dengan Allah dengan semua dosa maksiat selain syirik daripada kamu berjumpa dengan Allah (sebut dalam bahasa Arab), dengan membawa sesuatu daripada hawa nafsu dalam agama. Hendak kata betapa bahayanya akidah bidaah atau akidah yang menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sampaikan Imam Syafi'i buat gambaran. Sebab apa? Kalau ikut peringkat maksiat, yang pertama, syirik, yang kedua, bidaah, yang ketiga baru maksiat. Jadi, bidaah ini sangat disukai oleh iblis sendiri kerana orang yang terlibat susah hendak bertaubat. Itu pertama sekali. Maksudnya, kenapa kita kena perjuangkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, fiqah dan tasawuf? Kerana inilah sebaik-baik bekalan yang kita bawa di akhirat nanti. Yang kedua, pesanan saya ialah tadi ada saudari yang membangkitkan berkenaan dengan masyarakat awam. Sekarang ini masyarakat awam banyak terpengaruh dengan media massa. Jadi, apabila hendak mengambil ilmu agama dalam media massa ataupun hendak mengambil maklumat agama dalam media massa, kena tahu sumbernya, siapa yang bercakap, gurunya siapa, apa manhajnya. Jangan tengok pada populariti. Jangan tengok pada *view*. Kena kenal siapa yang bawa, siapa yang bercakap, apa rujukannya, apa manhajnya. Kalau dia tidak benar-benar bawa manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, khususnya kerangka ulama Melayu kita, *al-Asya'irah*, *al-Syafi'iyah* dan *al-Ghazaliyyah*, bahaya. Nanti itu yang kata tadi timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam sampai ada konflik identiti. Kenapa? Kerana bercampur-campur ilmu dengan syubhah-syubhah. Jadi, kefahaman agama

pun semakin menjadi kabur. Amalan pun semakin tertinggal. Dulu, melihat zikir penting. Apabila sudah masuk racun bidaah, melihat zikir sebagai sebab masuk neraka dan sesat. Padahal, kalau kita kumpul hadis tauhid, antara amalan yang paling penting untuk menyelamatkan manusia daripada api neraka ialah lailahailallah. Tetapi syubhah mula datang menyebabkan seseorang itu menyangka kalau banyak menyebut lailahailallah, boleh masuk neraka. Jadi, pesanan saya, berhati-hati apabila hendak mengambil maklumat agama daripada media massa dan pilihlah guru dengan hati-hati kerana salah memilih guru, salah memilih kitab, akan memberi kesan yang besar nanti dalam agama dan seterusnya kesan yang besar di akhirat. Itulah penutupnya. Insyaa-Allah.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:26:14 – 1:26:25)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Ustaz Dr. Abdullaah. Penting, ya. Bukan sekadar tengok *view*, tengok populariti. Kena kaji siapa orang itu. Bagaimana pula dengan Dr. Ayman sebagai kesimpulan? Silakan.

**Dr. Ayman al-Akiti (ahli panel) = (1:26:27 – 1:31:56)**

Bismillahirrahmanirrahim. Beberapa soalan tadi yang saya nampak yang dilontarkan kepada saya tentang SPM. Saya tidak faham soalan tentang SPM. Secara fakta, orang yang mengaji dengan fokus 100 *percent* dalam bidang agama akan memiliki kemampuan dan pengalaman dalam bidang agama lebih banyak daripada orang yang tidak fokus dalam pengajian agama apabila kita berbicara dalam konteks agama. Itu satu. Yang kedua, jangan risau. Sebenarnya, *state holder* kita, penguasa-penguasa agama kita, sultan kita, misalnya Sultan Johor, Sultan Selangor, Datu Undang di Negeri Sembilan, begitu juga Tuanku Besar Negeri Sembilan, juga daripada Kesultanan Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak, Kedah dan lain-lain, insyaa-Allah, semuanya berpegang kuat dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan untuk mempertahankan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut neraca yang memang sudah tertanam rapi di Nusantara ini sejak lama di Alam Melayu ini. Memang sudah lama kita berpegang dengan akidah ini. Itu kita kena tegaskan. Kita kena percaya dan pegang. Insyaa-Allah, Sahibus Samahah mufti-mufti kita juga bersatu demi mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Alam Melayu. Untuk selanjutnya tentang kita, walau bagaimanapun dengan apa yang saya telah bincangkan dan bentangkan tadi, kita kena ingat, salah satu elemen yang penting bagi kita sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah, tetap menjaga adab dan hubungan dengan sesiapa pun, kawan ataupun lawan. Itu kita kena jadi dewasa. Maksud dewasa seperti mungkin saya dengan ketegasan saya, bukan bererti kita memusuhi orang yang bukan Islam misalnya, dalam erti tidak boleh berjual beli dengan orang bukan Islam di Malaysia. Bukan seperti itu. Tidak boleh berkawan

dengan orang bukan Islam, tidak. Kita ada prinsip, kita pegang. Sedangkan dengan orang yang berbeza mazhab dengan kita, dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, hubungan kita masih sesama Islam. Kita masih menghormatinya sebagai seorang Islam. Kita tidak mengkafirkannya kerana (sebut dalam bahasa Arab). Ini pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka, tidak ada masalah. Biasa. Kalau saya, duduk dengan orang bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah, duduk berbincang bersama-sama, makan semeja, ketawa bersama-sama, itu perkara biasa. Kerana apa? Kita menerima bahawa kita ada pegangan, dia ada haknya. Kita menghormati sebagai sesama Muslim. Ini kita kena ada. Yang ketiga, hubungan kita sesama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Boleh tidak kita belajar menghormati antara satu sama lain, perbezaan mazhab? Ada mazhab Maliki dari Maghribi. Ada yang mazhab lain dari negara lain. Mereka datang ke sini menghormati kita bermazhab Syafi'i. Ketika kita berada di sana, kita menghormati mereka dengan mazhab lain. Kita banyakkkan bacaan supaya kita tidak mudah terjerumus dalam menyesatkan orang lain hanya kerana kita tidak biasa. Ini kita mungkin ada ilmu yang kita kena belajar dan kita dewasaikan diri sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi, dari sini, saya boleh simpulkan apa yang telah dibincangkan dari awal sampai akhir. Walau bagaimanapun, kita sebagai umat Islam, orang Melayu, jelas dalam bab kemelayuan kita, kita ialah seperti yang disebutkan dalam wasiat ataupun keterangan oleh Wan Ahmad Fatani dalam kitabnya. Apa dia kata? Orang Melayu ini orang yang paling lembut, umat Islam yang memiliki jiwa paling lembut dan paling halus. Ini fakta. Dari dulu sampai hari ini. Kalau kita pergi ke Maghribi, orang Morocco, Maghribi ini paling lembut dalam kalangan orang Arab. Bahkan, (sebut dalam bahasa Arab), orang Arab yang paling lembut. Itu pun kita nampak mereka macam ganas. Kalau Mesir, lagi teruklah. Tetapi itu pun, apabila kita pergi ke Maghribi, pertama sekali Sheikh yang mengajar saya waktu di masjid dulu, apabila beliau tengok saya, beliau kata, (sebut dalam bahasa Arab), saya datang dari Malaysia. (sebut dalam bahasa Arab) Melayu ini macam malaikat. Ini fakta. Jadi, kita sudah ada adab budaya Melayu. Kita kena teruskan adab yang kita ada ini, tetapkan pada diri kita dan kepada anak-anak kita. Supaya apa? Kita tetap seperti itu pada mata mana-mana bangsa di dunia. Kita tegas tetapi kita beradab. Ini yang perlu kita ada, insya-Allah. (sebut dalam bahasa Arab) Saya menutup kalam saya hanya sekadar ini. Segala salah silap, saya mohon maaf sebesar-besarnya. (doa penutup bicara) Assalamualaikum wbt.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:31:57 – 1:32:56)**

Subhanallah. Agak mengejutkan bagi orang yang tidak pernah mendengar bahawa Melayu diibaratkan seperti malaikat dari negara luar. Betapa lembutnya orang kita. Jadi, apabila orang

sudah pandang begitu, kita kena jagalah diri kita. Dengan itu, kita ucapkan terima kasih kepada Tuan Guru Haji Abd Raof, Ustaz Dr. Abdullaah dan juga Dr. Ayman kerana sudi untuk menyampaikan ilmu betapa pentingnya untuk kita berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan betapa pentingnya Ahli Sunnah Wal Jamaah disemarakkan dalam kalangan masyarakat kita, orang Islam khususnya untuk menjadi satu jati diri untuk dunia ini dan akhirat, insya-Allah. Kita berada pada penghujung program. Diminta untuk para panel tidak meninggalkan Streamyard dahulu. Kita akhiri program ini dengan Surah al-‘Asr. Baik. Dengan itu, Perbincangan Rakyat Demi Melayu ingin mengundurkan diri. Assalamualaikum dan salam sejahtera.